

11 FEB 2003

DR MAHATHIR LAWAT PERKAMPUNGAN MODEN DI MUKIM BINJAL

JITRA, 11 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meninjau satu projek perumahan berkonsepkan rumah kampung Melayu di Mukim Binjal dekat sini.

Perdana Menteri meluangkan masa hampir satu jam meninjau projek yang dikenali sebagai Perkampungan Moden Paya Pahlawan, yang dibangunkan oleh Pedoman Semarak Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Putrajaya Holdings Sdn Bhd.

Perkampungan itu mengandungi 161 unit rumah dan kini 25 peratus siap. Ia dijangka siap sepenuhnya menjelang Ogos ini.

Projek itu menyediakan tiga bentuk rumah sebuah dua tingkat dengan tiga bilik di kawasan tanah seluas 32 hektar.

Perkampungan itu merupakan ilham Dr Mahathir. Hanya penduduk di sekitar Mukim Binjal dan Kubang Pasu yang berpendapatan bawah RM2,000 sebulan sahaja berpeluang menduduki rumah itu.

-- BERNAMA
MAN FIZ MAI